

Kemalangan motosikal di Malaysia dijangka meningkat jika Gojek dilaksanakan

SHAH ALAM - Faktor keselamatan perlu diberi perhatian dalam cadangan kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan Gojek di negara ini.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua berkata, sebanyak 60 peratus daripada 7,000 kemalangan di negara ini berpunca dari-

pada penunggang motosikal dan angka tersebut dijangka meningkat jika Gojek dilaksanakan.

“Ketika kita berusaha mencari jalan mengurangkan kematian penunggang motosikal, Gojek pula sudah tentu memancing ramai minat anak muda dan sesiapa sahaja untuk menunggang.

“Mereka yang tidak ada motosikal pun akan beli motosikal, ia secara tidak



TEIK HUA

langsung meningkatkan risiko keselamatan dan nyawa,” katanya pada pro-



MOHD NOOR

gram *Sinar Live* bertajuk *Gojek Malaysia Ok ke Tak?* di *Studio Sinar Harian* di

sini semalam.

Sementara itu, **Presiden ROTS Motor Club Malaysia, Mohd Noor Maula** berkata, pengendali Gojek perlu menetapkan garis panduan kepada pemandu mereka terlebih dahulu sebelum perkhidmatan itu dibenarkan beroperasi di negara ini.

Beliau berkata, perkara itu penting bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin.

“Contohnya, kenderaan Gojek ditetapkan piawaian khusus untuk had laju pengoperasian iaitu antara 60 hingga 80 kilometer sejam.

“Selain itu juga, motosikal yang digunakan mestilah berkuasa rendah iaitu 100cc ke bawah serta berkelajuan maksimum. Kena ada limit kelajuan. Ini penting bagi menjamin keselamatan penumpang,” katanya.